



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

REBUT INSENTIF DISKAUN PTPTN SEHINGGA 31 MEI 2023

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mengucapkan terima kasih dan merakamkan penghargaan kepada semua peminjam yang telah membuat bayaran balik pinjaman sekali gus menikmati insentif diskaun yang telah dilaksanakan. PTPTN juga amat menghargai inisiatif rakan strategik seperti pihak institusi kewangan, agensi kerajaan dan swasta dalam usaha mengadakan kempen membayar balik pinjaman PTPTN sepanjang tempoh pelaksanaan diskaun.
2. Terdahulu melalui pembentangan Belanjawan 2023, pemberian insentif diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN telah bermula 1 Mac 2023 sehingga 31 Mei 2023 meliputi empat (4) kategori seperti berikut:
 - i) Diskaun 20 peratus atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman;
 - ii) Diskaun 15 peratus untuk penyelesaian sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keseluruhan baki hutang;
 - iii) Diskaun 15 peratus untuk bayaran balik melalui potongan gaji atau Debit Terus (*Direct Debit*) mengikut jadual bayaran balik; dan
 - iv) Diskaun 5 peratus untuk bayaran balik melalui aplikasi myPTPTN.
3. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN berkata, “Peminjam PTPTN masih berpeluang mendapatkan insentif diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN sehingga 31 Mei 2023. PTPTN telah menyediakan pelbagai saluran bayaran balik bagi memudahkan peminjam membuat bayaran balik termasuk secara dalam talian yang lebih mudah, cepat dan selamat iaitu melalui aplikasi myPTPTN dan perbankan internet. Selain itu, bagi membantu para peminjam yang berhasrat untuk merebut peluang insentif diskaun bayaran balik ini, PTPTN turut membuka kaunter khas di lokasi terpilih seluruh Malaysia. Peminjam boleh merujuk portal rasmi PTPTN di www.ptptn.gov.my untuk maklumat lanjut.”

4. “Komitmen peminjam yang membuat bayaran balik amatlah dihargai dalam memastikan kelangsungan pemberian pinjaman pendidikan kepada generasi akan datang. Dengan pelbagai usaha dan pendekatan mesra yang dilaksanakan oleh PTPTN, diharapkan para peminjam mengambil peluang untuk membuat bayaran balik dan tampil berbincang dengan PTPTN sekiranya terdapat sebarang kemusykilan kerana PTPTN sedia membantu,” tambah beliau lagi.

5. Untuk sebarang pertanyaan, peminjam boleh menghubungi PTPTN melalui saluran berikut:

- *Careline* PTPTN di 03 - 2193 3000
(Beroperasi Isnin hingga Jumaat, jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang)
- *Live Chat* di www.ptptn.gov.my
- e-Aduan di <https://eaduan.ptptn.gov.my/>
- Eksekutif Pemasaran PTPTN di <https://www.ptptn.gov.my/hubungi-ptptn>
- Media Sosial Rasmi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional